

UM 23 JUN 2001

Razaleigh tolak ura-ura jadi Menteri Kewangan

KUALA LUMPUR 22 Jun
— Bekas Menteri **Kewangan**, Tengku Razaleigh Hamzah berkata, spekulasi yang mengaitkan namanya untuk dilantik sebagai Menteri Kewangan, semata-mata ditimbulkan oleh media massa.

Menurutnya, ada ramai lagi di kalangan rakyat negara ini dan anggota UMNO yang layak memegang jawatan itu.

“Saya tak pernah pohon. Saya menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,” katanya ketika ditemui pada Perhimpunan Agung UMNO di sini, hari ini.

Ketika Adakah beliau adalah calon paling sesuai kerana memiliki tiga kriteria seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri sebelum ini, beliau berkata: “Saya tak fikir.”

Pada 11 Jun lalu, Dr. Mahathir berkata, kriteria Menteri Kewangan yang baru mestilah seseorang yang mengetahui soal-soal kewangan, bersih dan bukan tokoh yang kontroversi.

Jawatan Menteri Kewangan kini dipegang oleh Dr Mahathir berikutan perletakan jawatan oleh Tun Daim Zainuddin pada 1 Jun lepas.